

## Operasi padam kebakaran punca tekanan air rendah

Oleh Nur Izzati Mohamad - Februari 2, 2022



Tapak pelupusan sampah Pulau Burung yang terbakar mulai 12 Januari lalu berjaya dipadamkan semalam. - Foto IHSAN EXCO ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN, PHEE BOON POH

**NIBONG TEBAL:** Masalah tekanan air rendah di beberapa kawasan di daerah Seberang Perai Selatan, di sini dikatakan berpunca daripada operasi pemadaman kebakaran di tapak pelupusan sampah Pulau Burung.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa, berkata kebakaran di tapak pelupusan sampah itu bermula 12 Januari lalu menyebabkan pili air PBAPP di kawasan berdekatan digunakan bagi operasi pemadaman terbabit.

"Anggota bomba mendapatkan air dari sungai berhampiran manakala Bomba Sukarela dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil air dari pili PBAPP di sekitar kawasan tapak pelupusan sampah.

"Kerja memadam kebakaran seperti ini mengurangkan tekanan air di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Jaseni berkata, keadaan menjadi lebih sukar dengan cuaca panas dan permintaan air yang tinggi sebelum sambutan Tahun Baharu Cina.

"Penggunaan air yang tinggi sempena perayaan mungkin berterusan sehingga pertengahan bulan ini," katanya.

Katanya, PBAPP berusaha menangani isu tekanan air rendah di daerah berkenaan dengan pelbagai perancangan jangka pendek dan panjang.

"Bagi pelan jangka pendek, PBAPP menggunakan sumber dan melaksanakan langkah kejuruteraan bekalan air untuk meredakan keadaan.

"Pelan jangka panjang merangkumi pelaksanaan lima projek kejuruteraan bekalan air dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang bagi memastikan keselamatan dan kestabilan bekalan air di seluruh Seberang Perai sehingga 2030," katanya.

Difahamkan, antara kawasan mengalami masalah tekanan air rendah ialah Residensi Merbok, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan berhampiran yang berada di kawasan tinggi atau di hujung paip agihan.